

**TALKING POINT**  
**BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN**  
**NAIB CANSELOR**  
**UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS**  
**SEMPENA SENAMROBIK DAN PERJUMPAAN MINGGUAN**  
**PADA 6 FEBRUARI 2013**  
**DI MULTIPURPOSE COURT KUBANG GAJAH**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Satu Malaysia dan Salam Sedekad Gemilang, UniMAP di Hati

**SALUTASI**

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UniMAP

Yang Berbahagia Prof. Dr. Ismail Daut, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UniMAP

Yang Berusaha Encik Zuber Bin Haji Mohamad, Timbalan Pendaftar UniMAP,

Yang Berusaha Puan Saodah Hassan, Bendahari UniMAP,

Yang Berusaha Puan Mazmin Mat Akhir, Pustakawan Kanan UniMAP,

Yang Berusaha Penolong-Penolong Naib Canselor UniMAP,  
Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan,

Seterusnya staf Universiti Malaysia Perlis yang saya kasihi sekalian.

Selamat Pagi, Good Morning, Kalai Vannakam, Zao Shang Hao,  
Magandang umaga (Tagalog), Ahroonsawad (Bahasa Thai).

### **KATA-KATA ALUAN**

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurnianya dapat kita semua berkumpul pada pagi yang berbahagia ini sempena Program Senamrobik dan Perjumpaan Bersama Naib Canselor. Aktiviti senamrobik ini bukan sahaja akan menyihatkan badan malah sebagai medan untuk kita berkongsi maklumat dan pengetahuan akan isu-isu terkini yang berlaku di UniMAP.

## **SEKSYEN BAHASA INGGERIS**

**Ladies and Gentlemen,**

***Yesterday, together we have deliberated on the Annual Keynote Address for 2013 at Dewan 2020. With the theme “Action Taking, Impact Making”.***

***This year, I have stressed on action oriented and carry out your daily responsibility as staff of UniMAP with quality and dedication. As the saying goes “Action Speaks Louder Than Words”.***

***I sincerely hope that whatever has been said yesterday are well understood by all staff of UniMAP and will be remembered whole-heartedly.***

***Hopefully this will give an impact on the schools and departments to strive harder to meet the expectations of our stakeholder and clients through quality services provided by UniMAP.***

***All the efforts and hard work through our R&D, teaching and learning and services provided by UniMAP will be able to bring UniMAP to a higher level towards attaining 500 excellent universities in the world. If we all put in our efforts with team spirits we will be able to make this realization. I need all your***

***hard work and support to make it happen. Together we can do it.***

Hadirin sekalian,

2. Semoga apa yang diperkatakan semalam akan dapat menjadi pembakar semangat untuk kita warga UniMAP bagi menghadapi cabaran di tahun baru ini.

### **MAKLUMAN PROGRAM BAKAL BERLANGSUNG**

#### **Lawatan Y.A.B Timbalan Perdana Menteri Sempena Lawatan Kerja ke Perlis**

Hadirin sekalian

3. Pada 7 Februari ini Y.A.B Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin akan mengadakan Lawatan Kerja ke negeri Perlis. Bagi menyambut kedatangan beliau, pihak UniMAP juga tidak terkecuali untuk turut serta menghantar wakil bagi memeriahkan program yang dijalankan sepanjang lawatan tersebut.
4. Di sini saya menyeru semua warga UniMAP akan memberikan sepenuh kerjasama untuk turut serta dalam program-program yang dirancangkan sepanjang program lawatan ini berlangsung.

## **SOROTAN PROGRAM MINGGUAN**

Hadirin sekalian,

Minggu lalu, telah berlangsung pelbagai aktiviti dan program yang melibatkan UniMAP. Antaranya ialah:-

### **Komuniti Ekonomi Asean**

5. Baru-baru ini, UniMAP telah diberi penghormatan apabila saya telah dijemput oleh Assumption University, Bangkok, Thailand, untuk membentangkan mengenai perspektif pendidikan dalam menyumbang kepada pergerakan ekonomi ASEAN
6. Inisiatif ini adalah daripada Jabatan Pengajian Perniagaan dan Pengurusan Antarabangsa yang ingin mengumpulkan pakar dari bidang pendidikan, perniagaan dan juga perbankan.
7. Untuk pengetahuan hadirin sekalian, Assumption University, Bangkok adalah salah sebuah universiti yang tergolong di dalam kelompok sepuluh terbaik di negara Thailand dan merupakan yang universiti terbesar bagi institusi swasta.

### **Majlis Menandatangani Perjanjian Persefahaman (MoU) UniMAP dan Nihon Superior Co. Ltd**

8. UniMAP telah menjalankan kerjasama pintar bersama syarikat perusahaan bahan kimpal terbesar dunia, Nihon Superior Co.

Ltd dari Jepun. MoU tersebut diadakan sempena lawatan ke Pusat Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) Nihon Superior minggu lalu.

9. Lawatan itu adalah bertujuan bagi mengorak langkah dalam mengembangkan jalinan hubungan kerjasama dengan industri apabila menembusi pasaran industri di Jepun terutamanya sekitar Osaka dan Tokyo. Turut disertai ketua penyelidik bagi kumpulan bahan elektronik hijau di bawah Pusat Kecemerlangan Geopolimer & Teknologi Hijau (CEGeoGTech) Encik Mohd Arif Anuar Mohd Salleh serta Dekan Pusat Kejuruteraan & Inovasi, Prof. Madya Che Mohd Ruzaidi Ghazali, delegasi UniMAP berada selama hampir tiga jam di kilang terbabit yang turut merangkumi sesi taklimat hasil penyelidikan Pusat Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) Nihon Superior.
10. Hasil daripada perjanjian itu, Nihon Superior dan UniMAP telah bersetuju menukuhkan makmal penyelidikan atas nama Nihon Superior di UniMAP tidak lama lagi. Ini merupakan antara “Hasilan Berimpak” kita yang terawal bagi tahun ini.

11. Pada lawatan itu juga, kita tidak melepaskan peluang mengadakan perjumpaan dengan sebahagian staf UniMAP yang melanjutkan pengajian dalam bidang Doktor Falsafah (PhD) sekitar Jepun. Perjumpaan yang dihadiri 11 orang staf bersama 7 orang ahli keluarga di Osaka.

## **PENUTUP**

Rasanya cukup setakat ini ucapan saya pada pagi ini, , saya Sudah dengan serangkap pantun;

***Masak Lemak Daun Geti***

***Dimakan Bersama Ulam Pegaga***

***Kerja Dilaksanakan Seikhlas Hati***

***Agar Kualiti Sentiasa Terjaga***

Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah Wassallammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.